

# Dedah pelajar berfikiran komputasional

► FKI laksana program Pembelajaran Sains dan Teknologi di Kota Belud

**FAKULTI** Komputeran dan Informatik (FKI), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melaksanakan program Pembelajaran Sains dan Teknologi melalui pengaturcaraan visual di Kota Belud.

Program itu dianjurkan dengan inisiatif kerjasama universiti bagi Program Transformasi Luar Bandar Strategi Lautan Biru Kebangsaan 4 (NBOS-4) di SMK Pekan II Kota Belud dan SMK Pekan Kota Belud.

Program melibatkan empat sekolah menengah di daerah Kota Belud. FKI akan melaksanakan lagi aktiviti itu pada 14 Ogos di SMK Usukan, dan 17 Ogos di SMK Taun Gusi.

Tenaga pengajar dan fasilitator dari UMS yang terlibat adalah Dr Lau Hui Keng, Dr Leau Yu Beng, Dr Norazlina Khamis, Asni Tahir, Nordaliela Mohd Rusli, Norhayati Daut, Siti Hasnah Tanalol, Suraya Alias dan Dr Chin Kim On selaku ketua rombongan merangkap ketua projek NBOS-4 yang berkenaan.

Rombongan dipengerusikan oleh Dekan FKI Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

Menurut Ag Asri,



**PELAJAR** menggunakan teknik penguraian, debugging, penjujukan dan algoritma untuk menyiapkan cabaran yang diberikan.

program itu bertujuan menarik minat pelajar terutamanya pelajar luar bandar terhadap sains dan teknologi melalui pengaturcaraan visual.

Katanya, melalui program itu, pelajar didedahkan tentang pemahaman membina dan menyelesaikan masalah menggunakan logik dan berfikiran komputasional.

"Ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk cemerlang dalam mata pelajaran Sains dan juga Matematik. Program yang dilaksanakan turut akan menyediakan pelajar kepada revolusi industri

“Ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk cemerlang dalam mata pelajaran Sains dan juga Matematik. Program yang dilaksanakan turut akan menyediakan pelajar kepada revolusi industri 4.0.”



**PROF MADYA DR AG ASRI AG IBRAHIM**  
Dekan FKI

4.0,” katanya.

Ag Asri berkata pihaknya mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Program

Transformasi Luar Bandar atau lebih dikenali sebagai RTP, Strategi Lautan Biru Kebangsaan 4 (NBOS-4) untuk menjayakan program itu.



DARI kiri: Chin, Baharom, Cikgu Juneard, Cheng, Fatrina, Noorsyafarina dan Hanah.



**PELAJAR** berbincang sama sendiri untuk menyelesaikan masalah yang diberikan di SMK Pekan Kota Belud.

Program turut melibatkan empat pembantu dari Pusat Internet 1Malaysia (Pi1M) untuk memeriahkan program berkenaan.

Sementara itu, menurut Chin, program yang bermula pada jam 9 pagi hingga 4 petang itu melibatkan seramai 45 pelajar SMK Pekan II Kota Belud, 32 pelajar SMK Pekan Kota Belud, 29 pelajar SMK Usukan, dan 35 pelajar SMK Taun Gusi.

Mereka merupakan pelajar tingkatan 1 yang mengambil mata pelajaran Asas Sains Komputer.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pengetua-pengetua sekolah kerana membenarkan FKI melaksanakan program berkenaan di sekolah-sekolah yang terlibat.

"Terima kasih juga kepada Pegawai Pendidikan Daerah Kota Belud Haji Baharom Haji Hashim, Dr Cheng Tsen Lui dari SMK Pekan II Kota Belud, Cikgu

Noorshafarina Indeabejaya dari SMK Pekan Kota Belud, Cikgu Fatrina Minis dari SMK Taun Gusi dan Cikgu Hanah Demiki dari SMK Usukan yang sudi memberikan sokongan serta bantuan kepada program ini," katanya.

Menurut Chin, tenaga pengajar dari FKI menggunakan teknik pengajaran berasaskan pemikiran komputasional dalam mengendalikan program itu.

Dengan ini, pelajar luar bandar dapat meningkatkan daya saing seiring dengan pelajar bandar, memupuk pembelajaran sepanjang hayat, belajar secara berkumpulan, saling berkongsi idea serta ilmu dan meningkatkan minat pelajar dalam menceburi bidang sains komputer.

"Saya berharap kami akan mendapat sokongan yang berterusan daripada NBOS atau MOSTI atau mana-mana industri dan komuniti pada masa akan

datang supaya program seperti ini, terutamanya untuk sekolah-sekolah luar bandar dapat dijayakan.

"Pendedahan pelajar luar bandar terhadap ilmu sains dan teknologi sama ada melalui pengaturcaraan visual mahupun Arduino ataupun raspberry pi adalah sangat penting. Dengan ini, secara tidak langsung bilangan pelajar yang mempunyai minat dalam bidang STEM (Science, Technology, Engineering, & Mathematics) akan turut bertambah pada masa hadapan," katanya.

Kesemua tenaga pengajar dan fasilitator yang terlibat adalah merupakan pensyarah-pensyarah dari UMS dan berkhidmat secara sukarela untuk menjayakan program itu.

Mereka berharap agar lebih ramai lagi pelajar luar bandar dapat didedahkan dengan ilmu sains dan teknologi melalui pengaturcaraan visual pada masa akan datang.